



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMBUATAN KEPUTUSAN DI KALANGAN USAHAWAN WANITA
YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN MIKRO**

ASKIAH BINTI JAMALUDDIN

FEM 2002 7

**PEMBUATAN KEPUTUSAN DI KALANGAN USAHAWAN WANITA
YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN MIKRO**

ASKIAH BINTI JAMALUDDIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2002**



**PEMBUATAN KEPUTUSAN DI KALANGAN USAHAWAN WANITA
YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN MIKRO**

Oleh

ASKIAH BINTI JAMALUDDIN

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

August 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PEMBUATAN KEPUTUSAN DI KALANGAN USAHAWAN WANITA YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN MIKRO

Oleh

ASKIAH BINTI JAMALUDDIN

Ogos 2002

Pengerusi: Profesor Madya Dr Laily Paim

Fakulti: Ekologi Manusia

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pembuatan keputusan di kalangan usahawan wanita luar bandar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan dalam pengurusan pendapatan keluarga dan pengurusan perusahaan mikro. Lokasi kajian yang telah dipilih secara persampelan bertujuan adalah negeri Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Pemilihan responden adalah secara persampelan bertujuan dan kaedah temubual secara bersemuka telah dilakukan selama tiga bulan dan 127 usahawan wanita berjaya ditemubual. Hanya 53 (42%) suami usahawan wanita yang terlibat sama dalam perusahaan mikro.

Hasil kajian ini mendapati usahawan wanita adalah pembuat keputusan dalam keluarga dan juga dalam perusahaannya. Ini kerana majoriti usahawan wanita dalam kajian ini mempunyai sumber ekonomi (pendidikan dan pendapatan) yang lebih baik berbanding suami mereka. Hasil kajian ini menunjukkan seramai 48.1% usahawan

wanita dan hanya 35.5% suami mereka yang mempunyai pendidikan peringkat menengah. Pendapatan hasil daripada perusahaan yang dijalankan oleh usahawan wanita juga didapati adalah lebih tinggi daripada pendapatan daripada pekerjaan utama suami.

Analisis Regresi Pelbagai digunakan untuk mengkaji pengaruh angkubah bebas ke atas angkubah bersandar. Hasil analisis ini menunjukkan pemilikan harta, ciri keusahawanan dan tempoh menceburi perusahaan (pengalaman) mempengaruhi penglibatan pembuatan keputusan usahawan wanita luar bandar dalam pengurusan pendapatan keluarga. Umur responden dan bilangan pekerja mempengaruhi penglibatan pembuatan keputusan usahawan wanita luar bandar dalam pengurusan perusahaan mikro.

Kesimpulan yang diperolehi ialah usahawan wanita dalam kajian ini adalah pembuat keputusan dalam keluarga dan perusahaan kerana mereka mempunyai sumber. Sumber yang ada menjadikan usahawan wanita luar bandar mempunyai kuasa untuk melibatkan diri dalam pembuatan keputusan. Sumber yang ada pada usahawan wanita dalam kajian ini seperti pendidikan, ciri keusahawanan, pengalaman dalam perusahaan, harta dan bilangan pekerja yang merupakan faktor yang mempengaruhi penglibatan dalam pembuatan keputusan. Adalah penting wanita terlibat dalam pembuatan keputusan kerana golongan ini juga adalah penentu ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial keluarga, komuniti dan negara. Walaubagaimanapun penglibatan pembuatan keputusan bersama adalah kaedah terbaik kerana ia dapat mengurangkan beban dan tekanan kepada wanita jika berlaku peristiwa yang tidak diingini.

Abstract of thesis presented to Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**DECISION MAKING AMONG RURAL WOMEN INVOLVED
IN MICRO ENTERPRISE**

By

ASKIAH BINTI JAMALUDDIN

August 2002

Chairman: Associate Professor Dr Laily Paim

Faculty: Human Ecology

The purpose of this research was to study on decision making and factors affecting the decision making among rural women entrepreneurs. There were two components of decision making in this study (i) family income management and (ii) micro enterprise management. Purposive sampling was used to select the locations and respondents of the study. Perak, Kedah, Kelantan and Terengganu were selected as research locations for this study. Face to face interview was done for three months on 127 rural women entrepreneurs. There were only 53 (42%) spouses of women entrepreneurs who involved in micro enterprise.

The findings of the study showed that, rural women entrepreneurs were the decision maker in both components because they had better education and income compared to their spouses. Data showed that 48.1% of rural women entrepreneurs have secondary level of education while only 35.5% of their spouses. Furthermore the rural



women entrepreneurs earn higher income than their spouses. The findings also indicated that economic resources influenced women involvement in decision making.

Multiple Regression analysis was used to determine the independent variables that affect the dependent variable. The results showed that property, entrepreneurial characteristics and years involved in micro enterprise were the factors affecting the decision making among rural women entrepreneurs in the management of family income. Age and number of workers were the factors affecting the decision making of rural women entrepreneurs in the management of micro enterprise.

This study concluded that rural women entrepreneurs were the decision makers in family and enterprise because they had higher resources. The factors affecting their decision making were education, age, entrepreneurial characteristic, experience in microenterprise, property and number of workers. It was important for rural women entrepreneurs to be involved in decision making because they determine the economic and social wellbeing of the family, community and nation. Eventhough rural women entrepreneurs decide by themselves, which increase their empowerment, but joint decision was preferred because it could reduce problems and stress.



PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah, berkat taufik dan hidayahNya, sebuah tesis dapat dihasilkan dengan jayanya. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama iaitu Prof.Madya Dr. Laily Paim kerana sering memberi bimbingan dan motivasi supaya tidak mudah berputus asa untuk menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Jariah Masud kerana memberi tunjukajar dan teknik menjalankan kajian dengan berkesan dan menghasilkan tesis yang dapat memberi manfaat kepada golongan wanita luar bandar. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Husna Sulaiman, seorang pendidik yang sering memberi panduan penulisan kajian. Walaupun telah bersara daripada tugasnya sebagai pensyarah dan sibuk dengan tugas barunya tetapi beliau sering mengikuti perkembangan penulisan tesis ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna iaitu Dr. Ahmad Hariza Hashim kerana memberi nasihat untuk terus cemerlang dalam bidang akademik. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Nurizan Yahya dan Dr. Mumtazah Othman serta rakan-rakan di JPSPP yang sering memberi sokongan moral dan menguatkan semangat ketika melalui hari-hari yang sukar. Terima kasih Prof. Madya Dr. Tengku Aizan yang memberikan kesedaran kepada saya melalui pengalaman beliau dan nasihatnya telah memberi kekuatan dan inspirasi untuk terus memajukan diri dalam bidang akademik.



Penghargaan yang tidak terhingga kepada pegawai Jabatan Pertanian Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia di seluruh negeri Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu kerana memberi kerjasama dan bantuan yang tidak ternilai. Terima kasih kepada En. Syaari, Puan Alwani dan En. Zahir Saad dari ibu pejabat AIM yang telah memudahkan urusan dan sering memberi maklumat berguna kepada saya.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang tidak putus-putus memberi galakan dan nasihat untuk terus berjaya dalam pelajaran, dan adik-adik iaitu Asniza, Nor Fadzlin, Nurul Huda dan Zulkarnain yang sering membantu dan memahami situasi saya sepanjang tempoh penyediaan tesis. Jutaan terima kasih kepada suami iaitu Mohd Fikri dan sahabat iaitu Suhaili, Ijai, Shah, Hanim dan tidak lupa juga kepada Siti Aminah yang sering berbincang, bertukar-tukar fikiran dan menyumbangkan idea sehingga terhasilnya tesis ini. Hanya Allah s.w.t yang dapat membalas budi baik anda semua.

AMIN.....

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Laily Binti Paim, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jariah Binti Masud, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Husna Binti Sulaiman, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

.....
AINI IDERIS, Ph.D
Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|------------------|---|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | vi |
| PENGESAHAN | viii |
| PERAKUAN | x |
| JADUAL KANDUNGAN | xi |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xv |
| | |
| BAB | |
| 1 | PENDAHULUAN |
| | Pengenalan 1 |
| | Kenyataan Masalah 4 |
| | Kepentingan Kajian 8 |
| | Objektif Kajian 11 |
| | Hipotesis Kajian 12 |
| | Definisi Konsep 13 |
| 2 | TINJAUAN KAJIAN LEPAS |
| | Teori Berkaitan Pembuatan Keputusan 14 |
| | Pembuatan Keputusan 16 |
| | Definisi Membuat Keputusan 16 |
| | Proses Membuat Keputusan 17 |
| | Model Proses Membuat Keputusan 19 |
| | Model Sistem-Test-Operate-Test-Exit 22 |
| | Model Membuat Keputusan Dalam Organisasi 24 |
| | Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pembuatan Keputusan 28 |
| | Ideologi Gender Yang Mempengaruhi Penglibatan Wanita Dalam Pembuatan Keputusan 32 |
| | Ciri-ciri Keusahawanan 34 |
| | Perusahaan Mikro Yang Diceburi Oleh Wanita Luar Bandar Dan Masalah Yang Dihadapi 36 |
| | Penglibatan Usahawan Wanita Dalam Perusahaan Mikro 38 |
| | Pengurusan Perusahaan Mikro 41 |
| | Masalah-Masalah Dalam Perusahaan Mikro 44 |
| | Rangkakerja Konseptual 46 |
| | Rangkakerja Penyelidikan 47 |



| | | |
|---|--|-----|
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| | Lokasi Kajian | 51 |
| | Kaedah Persampelan | 52 |
| | Instrumen Kajian | 56 |
| | Angkubah Kajian | 62 |
| | Ketepatan Kandungan | 64 |
| | Pengumpulan Data | 64 |
| | Penganalisan Data | 65 |
| | Ujian Normaliti | 65 |
| | Analisis Diskriptif | 65 |
| | Ujian Reliabiliti | 66 |
| | Ujian Regrasi Pelbagai | 66 |
| 4 | HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN | |
| | Latar Belakang Usahawan Wanita | 72 |
| | Pendidikan | 75 |
| | Pekerjaan | 77 |
| | Pendapatan | 80 |
| | Pemilikan Harta | 84 |
| | Latar Belakang Perusahaan | 89 |
| | Penglibatan Usahawan Dalam Perusahaan Mikro | 89 |
| | Bilangan Pekerja | 92 |
| | Modal | 92 |
| | Kursus Yang Dihadiri Oleh Usahawan Wanita Luar Bandar | 95 |
| | Pembuatan Keputusan | 100 |
| | Pembuatan Keputusan Dalam Pengurusan Pendapatan Keluarga | 101 |
| | Pembuatan Keputusan Dalam Pengurusan Perusahaan Mikro | 108 |
| | Profil Usahawan | 116 |
| | Pengujian Hipotesis | 124 |
| 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | 130 |
| | BIBLIOGRAFI | 147 |
| | LAMPIRAN | 153 |
| | BIODATA PENULIS | 188 |



SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|---------------|--|----------------|
| 3.1 | Bilangan ahli di bawah Skim Pinjaman Ikhtiar mengikut negeri pada Disember 1999 | 52 |
| 4.1 | Latar belakang usahawan wanita dan suami mengikut agensi | 74 |
| 4.2 | Tahap pendidikan usahawan wanita dan suami mengikut agensi | 76 |
| 4.3 | Jenis pekerjaan usahawan wanita dan suami mengikut agensi | 79 |
| 4.4 | Pendaftaran perusahaan mengikut agensi | 85 |
| 4.5 | Latar belakang perusahaan mikro | 94 |
| 4.6 | Bilangan responden yang menghadiri kursus mengikut agensi | 97 |
| 4.7 | Kursus yang ingin diikuti oleh responden mengikut agensi | 98 |
| 4.8 | Bilangan responden yang menghadapi masalah menghadiri kursus mengikut agensi | 99 |
| 4.9 | Penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan pendapatan keluarga | 108 |
| 4.10 | Penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan perusahaan mikro | 115 |
| 4.11 | Profail usahawan wanita luar bandar | 117 |
| 4.12 | Taburan usahawan wanita yang memiliki ciri-ciri keusahawanan | 123 |
| 4.13 | Ujian regresi pelbagai bagi penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan pendapatan keluarga (N=127) | 124 |
| 4.14 | Data koefisyen bagi penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan pendapatan keluarga (N=127) | 126 |
| 4.15 | Ujian regresi pelbagai bagi penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan perusahaan mikro (n=53) | 127 |
| 4.16 | Data koefisyen bagi penglibatan pembuatan keputusan dalam pengurusan perusahaan mikro (n=53) | 129 |



SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|---|----------------|
| 2.1 | Model proses membuat keputusan | 20 |
| 2.2 | Model TOTE | 23 |
| 2.3 | Model peratus membuat keputusan | 26 |
| 2.4 | Model jenis masalah, Jenis keputusan dan Tahap pengurusan | 27 |
| 2.5 | Rangka kerja penyelidikan | 50 |
| 3.1 | Carta kaedah persampelan | 55 |
| 4.1 | Taburan peratus responden mengikut agensi bagi kategori pendapatan perusahaan mikro | 83 |
| 4.2 | Taburan peratus responden mengikut agensi bagi kategori pendapatan keluarga | 83 |
| 4.3 | Taburan pemilikan harta mengikut agensi | 88 |
| 4.4 | Idea menubuh perusahaan makanan mengikut agensi | 91 |
| 4.5 | Faktor penggalak usahawan dalam perusahaan mengikut agensi | 91 |
| 4.6 | Pola pembuatan keputusan dalam pengurusan pendapatan keluarga | 106 |
| 4.7 | Pola pembuatan keputusan dalam pengurusan perusahaan mikro | 113 |

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pembangunan negara semakin berkembang pesat semenjak negara mencapai kemerdekaan. Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada masyarakat bandar tetapi juga kepada masyarakat luar bandar. Ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara masyarakat bandar dan luar bandar. Pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh kerajaan merangkumi pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial. Menurut Chamhuri, Ahmad dan Abdul Hamid (1990), pembangunan ekonomi luar bandar memberi penekanan terhadap tiga perkara iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan industri asas yang melibatkan hasil pertanian dan pemprosesan bahan mentah, dan pembangunan bengkel desa bagi membekalkan perkhidmatan.

Seiringan dengan pembangunan negara, penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial tidak boleh dipertikaikan. Sejak dahulu lagi wanita memainkan peranan untuk menambahkan sumber pendapatan keluarga dengan bekerja di sektor pertanian (Faridah, 1993). Mereka membantu suami bekerja di sawah padi dan berkebun. Hasil pertanian mereka ini dijual segera kerana hasil tersebut cepat rosak dan mengurangkan nilainya. Oleh itu, wanita biasanya memproses sebahagian daripada hasil pertanian tersebut untuk menjadikan nilainya lebih tinggi. Hasil pertanian yang telah diproses menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi (Chamhuri,

Ahmad & Abdul Hamid, 1990). Namun ketika itu, wanita sebagai suri rumah biasanya akan memproses hasil tersebut untuk keperluan keluarga.

Pemrosesan hasil pertanian pada asalnya dilakukan oleh wanita dan ianya hanya untuk keperluan keluarga sahaja. Oleh kerana hasil pertanian yang telah diproses mempunyai nilai ditambah yang tinggi, ini secara tidak langsung menyediakan peluang kepada keluarga petani untuk meningkatkan pendapatan keluarga dengan mengusahakan perusahaan mikro. Perubahan daripada masyarakat tani kepada masyarakat industri berlaku dan golongan ini memerlukan program pembangunan yang bersesuaian untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

Program pembangunan masyarakat bertujuan meningkatkan penyertaan penduduk luar bandar dalam pembangunan sosio-ekonomi, dan membina masyarakat luar bandar yang bermaklumat, berdikari dan produktif. Program ini juga memberi penekanan terhadap ciri-ciri keusahawanan yang selaras dengan ciri usahawan berjaya. Ciri tersebut ialah sikap yang progresif serta berdaya saing (RMT, 1996).

Program Skim Pembiayaan Ikhtiar yang dijalankan oleh agensi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) contohnya, telah membantu masyarakat luar bandar terutamanya wanita untuk mencapai kesejahteraan hidup dari segi pembangunan ekonomi keluarga dan pembangunan sosial. Menurut Jariah dan Laily (1995), agensi ini telah berjaya menggalakkan penglibatan wanita dalam perusahaan mikro iaitu satu program pembangunan bagi meningkatkan tahap hidup golongan termiskin luar bandar.

Kemahiran membuat keputusan penting dalam kehidupan usahawan wanita. Ini kerana mereka memainkan pelbagai peranan iaitu sebagai isteri, ibu dan pengusaha. Menurut Bokemeir dan Garkovich (1987) yang mengkaji pembuatan keputusan wanita tani di Kentucky USA, menyatakan terdapat pelbagai aktiviti yang perlu dilakukan oleh wanita ketika mengendalikan perusahaan berasaskan pertanian dan ia melibatkan pembuatan keputusan. Bagi menghasilkan keputusan yang baik, individu mesti mendapatkan maklumat (Yaakob, 1997). Oleh itu, usahawan wanita mesti mempunyai kemahiran membuat keputusan yang tinggi bagi membolehkan perusahaannya diuruskan dengan sempurna.

Kesimpulannya untuk mengisi pembangunan negara amnya, luar bandar khususnya, usahawan wanita memainkan peranan yang penting. Kepelbagaian peranan yang dimainkan oleh usahawan wanita memerlukan mereka mempunyai kemahiran membuat keputusan. Jesteru itu, usahawan wanita luar bandar perlu melibatkan diri dalam pembuatan keputusan dan ini dapat menunjukkan yang mereka berpengupayaan untuk menguruskan perusahaan mikro. Tambahan pula, menurut Moody (1993), membuat keputusan adalah elemen penting dalam pengurusan. Teori kuasa yang dipelopori oleh Blau (1986) pula, menyatakan penglibatan membuat keputusan dapat menentukan pengaruh seseorang terhadap orang lain. Penglibatan membuat keputusan dalam keluarga dan perusahaan mikro di kalangan wanita tidak boleh dianggap remeh. Ini kerana hasil kajian Bokemeir dan Garkovich (1987) menunjukkan wanita tani bukan sahaja penyumbang tetapi penentu kepada peningkatan ekonomi dan kehidupan sosial keluarga.

Kenyataan Masalah

AIM menyediakan kredit mikro kepada wanita termiskin bagi menjana pendapatan untuk keluar dari cengkaman kemiskinan. Ini secara tidak langsung menggalakkan masyarakat luar bandar terlibat dalam bidang keusahawanan. Kredit mikro adalah kaedah terbaik untuk membantu golongan termiskin mendapatkan modal perusahaan (Rosintan & Katleen, 1999). Kaedah kredit mikro di Malaysia menggunakan pendekatan Bank Grameen yang dilaksanakan di Bangladesh. Pendekatan Bank Grameen ini ialah untuk memecahkan putaran kemiskinan melalui perantaraan modal (Rohana & Che Su, 1995). Walaupun penggunaan kredit mikro memudahkan golongan ini memulakan perusahaan, namun wanita luar bandar juga amat memerlukan bantuan ~~kepakaran~~ dan khidmat sokongan. Selain daripada AIM, Jabatan Pertanian Malaysia (JPM) juga banyak membantu usahawan wanita luar bandar dengan menyediakan kemudahan seperti bengkel, peralatan moden dan khidmat nasihat.

Kajian ini memberi tumpuan kepada usahawan wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro yang perusahaannya stabil, berkembang dan berupaya untuk meneruskan perusahaan mereka sehingga ke generasi seterusnya. Heyzer (1989) mengatakan wanita yang menjalankan perusahaan mesti mempunyai pengupayaan diri untuk menstabilkan apa yang mereka miliki, dan pengupayaan dapat dibentuk jika sumber diri wanita dibangunkan bukan hanya dipergunakan. Oleh itu, usahawan wanita yang berpengupayaan mampu menjalankan perusahaan sehingga ke generasi seterusnya.

Dalam kajian ini terdapat tiga masalah yang dikupas. Masalah yang pertama ialah stereotaip gender dalam pembuatan keputusan antara lelaki dan wanita. Masalah ini dikaji kerana perbincangan mengenai usaha untuk meningkatkan pengupayaan wanita sering dikaitkan dengan aspek pembuatan keputusan. Kebiasaannya lelaki atau suami dalam masyarakat Melayu adalah pembuat keputusan sebenar (Md Nor & Loo, 2000). Pembuatan keputusan sering diserahkan kepada lelaki kerana peranan mereka sebagai ketua keluarga. Tambahan pula, mentaliti masyarakat mengatakan bahawa lelaki mempunyai kuasa dominan daripada wanita. Ini kerana lelaki dianggap seorang yang logikal, rasional, berdikari, bersaing, memimpin dan pembuat keputusan (Alimo-Metcalf, 1994).

Masalah yang kedua ialah wanita sering membuat keputusan dalam perkara yang dianggap kurang penting dan tidak melibatkan risiko seperti lelaki. Kajian oleh Martinez dan Polo (1999) yang dilakukan ke atas keluarga di Spain menunjukkan suami adalah pembuat keputusan penting (membeli rumah, insuran dan pelaburan) sementara isteri adalah pembuat keputusan yang kurang penting (perabot dan barangan elektrik). Ia juga berlaku kerana perbezaan peranan dalam pengeluaran isirumah yang mempengaruhi agihan tanggungjawab membuat keputusan dan pelaksanaan tugas (Chung & Magrabi, 1997). Ini menunjukkan pembuatan keputusan yang baik dilakukan oleh individu yang mengetahui tentang tugas dan peranannya.

Masalah yang ketiga yang dikaji ialah wanita tidak mudah mendapat dan mengawal sumber sama ada sumber manusia (sumber daya dan kemahiran) ataupun sumber bukan manusia (pendapatan, modal) (Jaffery, 1989; Blumberg, 1991; Amriah

1993; Rosintan & Katleen, 1999) . Dalam kebanyakan masyarakat, wanita tidak dapat mengawal sumber yang mereka miliki dan tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan (Jaffery, 1989). Keadaan ini berlaku kerana budaya telah menentukan suami sebagai pencari nafkah utama, sementara isteri bertanggungjawab menjaga anak dan ahli keluarga di rumah.

Grives, Zvonkovic, Evan dan Hall (1995) dan Rosintan dan Katleen (1999), dalam kajian mereka membuktikan individu yang menyumbangkan pendapatan untuk keluarga adalah pembuat keputusan dalam keluarganya. Bagi usahawan wanita luar bandar yang terlibat dalam program perusahaan mikro, mereka memperolehi pendapatan hasil dari usahanya. Oleh itu persoalan yang akan dijawab ialah adakah usahawan wanita mempunyai kuasa membuat keputusan kerana mereka mempunyai sumber pendapatan sendiri?

Menurut Rosintan dan Katleen (1999) yang mengkaji penglibatan wanita luar bandar dalam perusahaan mikro di Indonesia, mendapati wanita menyumbangkan sebahagian besar pendapatan mereka untuk keluarga. Walaupun mereka memberi sumbangan pendapatan untuk keluarga, namun suami tetap sebagai pembuat keputusan. Hasil kajian mereka menunjukkan individu yang mempunyai pendapatan tidak bermakna mampu mengawal sumber yang ada. Ini kerana Teori Kuasa menunjukkan individu yang mempunyai sumber dan autoriti adalah lebih berkuasa sebagai pembuat keputusan berbanding dengan individu yang hanya memiliki sumber (Rollins & Bahr, 1976).

Hasil kajian Chamhuri, Ahmad dan Abdul Hamid (1990) mendapati, 57.2% responden yang terlibat dalam perusahaan industri desa tidak pernah mencapai pendidikan sekolah menengah. Pendidikan penting kerana Peng (1991) dan Grives et al. (1995) mendapati tahap pendidikan yang tinggi dapat mempengaruhi penglibatan individu dalam membuat keputusan.

Meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan perusahaan mikro dan kemahiran membuat keputusan adalah perlu bagi usahawan wanita luar bandar. Menurut Rosintan dan Katleen (1999), ciri pembuatan keputusan dan mengurus perusahaan dapat menunjukkan bahawa wanita tersebut adalah seorang yang berpengupayaan. Ini kerana kegagalan usahawan adalah kerana tidak mempunyai kemahiran mengurus, perancangan kewangan yang tidak baik, tidak berdedikasi dan kurang pengetahuan (Rye, 1995). Oleh itu, usahawan wanita luar bandar perlu mendapatkan pengetahuan untuk mengurus perusahaan dan membuat keputusan dengan berkesan.

Wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro mempunyai matlamat yang tersendiri terutamanya untuk meningkatkan pendapatan dan memperbaiki tahap hidup keluarga. Hasil kajian Arendarski, Mroczkowski dan Sood (1994) menunjukkan matlamat usahawan kecil adalah untuk menjadi pemilik bagi perusahaan mereka (71%) dan meningkatkan pendapatan personal (64%). Namun begitu, bukan mudah bagi wanita untuk mencapai matlamat seperti ini kerana wanita cenderung memperkecilkan kebolehan dan prestasi diri berbanding lelaki (Fox & Hesse-Biber, 1984).

Usahawan wanita luar bandar mendapat pendapatan hasil daripada perusahaan mikro. Hasil kajian Rosintan dan Katleen (1999) menunjukkan sebahagian besar pendapatan wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro digunakan untuk memenuhi keperluan ahli keluarganya dan penglibatan membuat keputusan didapati meningkat. Ini bermakna mereka juga sebahagian daripada penyumbang ekonomi keluarga. Tambahan pula, penglibatan membuat keputusan di kalangan wanita mempengaruhi ekonomi keluarga (Bokemeier & Garkovich, 1987). Oleh itu, penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan untuk keluarga dan perusahaan mikro perlu dikaji. Kajian ini akan menjawab persoalan seperti berikut:

1. Siapakah pembuat keputusan dalam keluarga dan perusahaan mikro?
2. Sejauhmanakah penglibatan pembuatan keputusan di kalangan usahawan wanita dalam keluarga dan perusahaan mikro?
3. Apakah profail usahawan wanita luar bandar?

Kepentingan Kajian

Penggunaan kredit mikro telah berjaya membantu golongan miskin terutamanya wanita luar bandar meningkatkan pendapatan keluarga dan meningkatkan penglibatan mereka dalam membuat keputusan (Rosintan & Katleen, 1999). Dengan ini, wanita luar bandar dapat meningkatkan pendapatan keluarga, memenuhi keperluan diri dan ahli keluarganya.

Pengurusan dan membuat keputusan adalah penting bagi usahawan wanita kerana mereka perlu memainkan peranan sebagai pengusaha, isteri dan ibu. Wanita di Amerika merasakan penglibatan mereka dalam membuat keputusan keluarga adalah penting kerana ini dapat meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat (Ford & La Tour, 1995). Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini dapat digunakan oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam melaksanakan program khas untuk wanita meningkatkan pendapatan keluarga dan sekaligus meningkatkan peranan wanita dalam masyarakat. Aburdene dan Narsbitt (1993) yang mengkaji wanita dalam organisasi mendapati wanita akan menyedari kebolehan yang ada pada diri apabila mereka terlibat sama dalam pengurusan. Ini bermakna, adalah penting bagi wanita untuk turut melibatkan diri dalam membuat keputusan mengenai pengurusan. Tambahan pula wanita ini memegang peranan sebagai isteri dan ibu dalam keluarga dan sekaligus sebagai pengusaha dalam perusahaannya.

Peranan yang dimainkan oleh usahawan wanita dalam membuat keputusan mengenai pengurusan perusahaan mikro dan keluarga tidak boleh dipandang remeh. Ini kerana penglibatan mereka dalam pengurusan perusahaan mikro merupakan sumbangan untuk meningkatkan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, mereka juga mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat dan membuat keputusan di dalam perusahaan dan keluarga. Secara tidak langsung, kajian ini akan menggambarkan kedudukan usahawan wanita dalam sesebuah keluarga di luar bandar.

Kajian ini secara tidak langsung membantu usahawan wanita mempelajari kemahiran membuat keputusan. Penglibatan dalam membuat keputusan dan peranan